

Had umur persaraan perlu ikut sektor, bukan secara menyeluruh

Kuala Lumpur: Cadangan untuk menaikkan had umur persaraan wajar diberi pertimbangan, namun pelaksanaannya perlu disesuaikan mengikut sektor tertentu yang memerlukan kepakaran serta kemahiran intelektual, kata Pakar Ekonomi Putra Business School (PBS) Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Ahmed Razman Abdul Latiff.

Beliau berkata langkah tersebut tidak sesuai dilaksanakan secara menyeluruh memandangkan terdapat sektor yang bergantung kepada kekuatan fizikal, yang boleh membebankan pekerja apabila usia semakin meningkat.

"Sektor seperti pendidikan, pentadbiran atau perundingan lebih sesuai untuk mempertimbangkan had persaraan yang lebih tinggi kerana ia bergantung kepada pengalaman dan keupayaan ber-

fikir secara kritikal. Namun, bagi pekerjaan yang memerlukan tenaga fizikal, langkah ini mungkin kurang praktikal," katanya kepada BERNAMA, semalam.

Kelmarin, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar memaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan kajian menyeluruh berhubung cadangan menaikkan umur persaraan wajib penjawat awam kepada 65 tahun.

Beliau menjelaskan bahawa cadangan itu masih di peringkat awal dan memerlukan penelitian mendalam sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Mengulas lanjut, Dr Ahmed Raz-

man berkata penetapan had umur persaraan perlu diteliti secara khusus, mengambil kira dapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum ini yang menunjukkan sebahagian besar penjarum sektor swasta tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk menampung kehidupan selepas bersara.

Menurutnya, sebarang kenaikan had persaraan juga perlu diselaraskan dengan strategi pelbagai hala (*multi-pronged strategy*) yang merangkumi penguatkuasaan sistem perlindungan sosial, pemanfaatan aset wakaf serta pelaksanaan konsep bank masa atau *time bank* sebagai inisiatif men-

angani cabaran penjagaan warga emas apabila Malaysia mencapai status nega-

ra tua menjelang 2043.

"Bank masa memberi peluang kepada individu menyumbang masa dan tenaga semasa usia muda, yang kemudiannya boleh ditebus sebagai perkhidmatan penjagaan apabila mereka berusia, sekali gus mengurangkan kos penjagaan dan beban fiskal kerajaan," jelas beliau.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) di Dewan Rakyat pada 31 Julai memaklumkan had umur persaraan wajib akan dikaji semula seiring peralihan Malaysia ke arah negara menua.

Kajian itu melibatkan pelbagai aspek termasuk implikasi kewangan serta kesan terhadap peluang pekerjaan yang perlu diteliti secara menyeluruh sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Cadangan masih di peringkat awal dan memerlukan penelitian mendalam